



ALLIANCE BANK

Helaian Maklumat Produk Pinjaman SME Express

(Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pinjaman SME Express. Terma dan syarat akhir dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman.)

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK <p>(Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pinjaman SME Express. Terma dan syarat akhir dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman.)</p>	ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD PINJAMAN SME EXPRESS TARIKH:
1. Apakah produk ini? <ul style="list-style-type: none"> Ini adalah kemudahan Pinjaman Berjangka (TL) bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana dengan perniagaan dan projek yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan. Tujuan kemudahan ini adalah untuk membiayai keperluan modal kerja am. Kemudahan ini boleh diberikan atas dasar tidak dijamin sepenuhnya (tanpa keperluan cagaran) atau dijamin sebahagiannya terhadap Jaminan CGC/SJPP, tertakluk kepada kelayakan dan mengikut budi bicara Bank. 	
2. Apakah yang dapat saya peroleh daripada produk ini? <ul style="list-style-type: none"> Jumlah keseluruhan yang dipohon:- RM _____ Tempoh:- _____ tahun Kadar Ditetapkan: _____ % setahun rata ATAU Kadar Pinjaman Asas (BLR) + _____ % setahun, yang mana berkenaan (atas baki bulanan*). Pada masa ini, BLR ialah _____ % setahun <p>*Nota: Untuk Pinjaman Berjangka, faedah dikira mengikut kadar yang ditetapkan ke atas jumlah tertunggak pada akhir bulan sebelumnya.</p>	
3. Apakah tanggungjawab saya? <ul style="list-style-type: none"> Ansuran bulanan:- RM _____ (termasuk faedah) berdasarkan jumlah keseluruhan yang dipohon. Jumlah pembayaran balik termasuk jumlah kemudahan pinjaman:- RM _____ (Nota:- Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik mungkin berbeza jika BLR berubah) 	
4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar? <ul style="list-style-type: none"> Duti Setem: Seperti yang diperuntukkan dalam Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989). Yuran Jaminan: Apabila jaminan CGC/SJPP dikeluarkan atau diperbaharui, yuran jaminan perlu dibayar oleh anda atau Bank, bergantung pada pakej pinjaman dan ciri skim. Yuran Pengeluaran Wang: Perbelanjaan guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman dan caj lain yang ditanggung dalam penyediaan dan penyempurnaan semua dokumentasi untuk pengeluaran wang. <p>Nota:- Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.</p>	
5. Bagaimana jika saya menyelesaikan Pinjaman Berjangka dengan sepenuhnya sebelum tempoh matang? <p>Penyelesaian awal/prabayaran sebahagian dibenarkan tertakluk kepada pemberian notis bertulis satu (1) bulan terlebih dahulu atau satu (1) bulan faedah sebagai ganti notis yang diperlukan.</p>	
6. Adakah saya perlukan perlindungan insurans? <p>Perlindungan insurans Keyman adalah sebagai pilihan.</p>	
7. Apakah risiko utama? <ul style="list-style-type: none"> Jika anda tidak menunaikan kewajipan pembayaran balik anda, sebagai tambahan kepada jumlah tertunggak yang perlu dibayar, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap anda. 	

- Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pinjaman anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Anda boleh hubungi kami di mana-mana Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami.

8. Adakah saya memerlukan cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Secara amnya, cagaran tidak diperlukan, kecuali Jaminan daripada CGC/SJPP boleh diambil sebagai sekuriti, tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh Bank.
- Penjamin: Ya. Sebarang penepian adalah tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh Bank.

9. Apa akan terjadi jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Faedah ke atas Bayaran Lewat: 1% setahun melebihi kadar yang ditetapkan pada mana-mana bahagian prinsipal dan/atau faedah dan/atau sebarang jumlah lain yang tertunggak.
- Kadar Ingkar: 1% setahun melebihi kadar yang ditetapkan pada keseluruhan jumlah tertunggak sekiranya kemudahan ditarik balik atau ditamatkan.
- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun deposit untuk menetapkan tunggakan dalam akaun pinjaman dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada).
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjasarkan penarafan kredit anda dan ini akan menyebabkan kredit anda menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat surat-menyurat anda, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami atau hubungi talian 1300-80-3388.

11. Adakah jenis pakej Pinjaman Berjangka lain yang disediakan?

Ya. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my untuk pakej pembiayaan PKS yang lain:

- Untuk tujuan pembelian peralatan/mesin.
- Untuk tujuan pembelian harta tanah/premis perniagaan.

12. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan kami, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan / Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my.

Alliance Bank Malaysia Berhad

Menara Multi-Purpose, Capital Square

No 8 Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel: 1300-80-3388 (Malaysia) +603-5624 3888 (Luar Negara) E-mel: info@alliancefg.com

- Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Aras 5 dan 6,

Menara Bumiputra Commerce

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-2616 7766 Laman web: akpk.org.my/smehelpdesk



ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi link atau telelink Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465 Faks: 03-2174 1515 Laman web: telelink.bnm.gov.my

Maklumat yang diberikan dalam helaian maklumat ini berkuat kuasa pada 1 Mei 2023. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: *Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit oleh Bank. Penghantaran Helaian Maklumat Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.*

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA.